

DAP: Jabatan Pelajaran kaji status pengundi guru
MalaysiaKini.com
March 29, 2012
By S Pathmawathy

Jabatan Pelajaran Negeri Selangor telah menghantar memo dalaman meminta laporan mengenai "status pendaftaran pengundi di kalangan guru", dakwa Ahli Parlimen DAP Serdang, Teo Nie Ching.

NONEBercakap dalam sidang akhbar di lobi Parlimen hari ini, Teo menunjukkan memo yang ditandatangani ketua bahagian pengurusan akademik jabatan tersebut, Hasnul Hadi Abdullah Sani dan dialamatkan kepada semua timbalan pegawai pendidikan daerah.

Borang yang memerlukan pegawai berkenaan menyenaraikan bilangan guru di setiap sekolah dan jumlah yang berdaftar sebagai pengundi serta kawasan pilihan raya parlimen dan negeri mereka, turut dikembalikan bersama memo yang bertarikh 22 Mac itu.

"Menurut seorang guru, ini adalah kali pertama kajiselidik seumpama itu dijalankan," kata Teo.

Selepas selesai menjalankan kajiselidik tersebut, katanya lagi, pegawai yang bertanggungjawab dikehendaki menghantar borang berkenaan kepada "Unit Vokasional dan Teknikal Jabatan Pelajaran".

"Ini membuat sesetengah guru rasa diganggu. Kami memandang berat yang kerajaan sedang cuba menyampaikan mesej kepada guru bahawa mereka sedang diperhatikan," tambah Teo.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/193514>

